

Latihan Objektif

Aneka Pilihan

1. Diberi rumus bagi faedah mudah ialah $I = Prt$, dengan keadaan P ialah prinsipal. Nyatakan maksud P .

A Ganjaran yang diberi kepada pelabur
 B Kadar faedah setahun
 C Jumlah wang simpanan
 D Tempoh masa dalam tahun

2. Suatu simpanan sebanyak RM12 500 meningkat kepada RM15 500 dalam tempoh 4 tahun. Hitung kadar faedah setahun bagi simpanan ini.

A 3%
 B 4%
 C 5%
 D 6%

3. Encik Hisham menyimpan sejumlah wang dalam akaun simpanan di bank yang memberi kadar faedah 4% setahun. Selepas 3 tahun, dia memperoleh faedah sebanyak RM600. Berapakah jumlah wang yang disimpan oleh Encik Hisham?

A RM5 000
 B RM4 500
 C RM4 000
 D RM3 000

4. Puan Normah menyimpan RM4 100 dalam akaun simpanan di sebuah bank Islam, mengikut prinsip wadiah selama 6 tahun dengan peratus hibah 5% setahun. Cari nilai hibah yang diterima oleh Puan Normah.

A RM1 130
 B RM1 200
 C RM1 230
 D RM1 300

5. Encik Goh membeli sebuah rumah dengan harga RM100 000 daripada seorang kawan. Dia membuat pengubahsuaian bagi rumah itu dengan perbelanjaan RM50 000. Kemudian dia menjual rumah itu dan memperoleh RM210 000 selepas menolak kos urusan jual beli. Hitung nilai pulangan pelaburan bagi Encik Goh.

A 20%
 B 30%
 C 45%
 D 60%

6. Antara berikut, yang manakah bukan kelebihan kad kredit?

A Tidak perlu membawa tunai yang banyak
 B Boleh berbelanja dengan sesuka hati
 C Boleh digunakan semasa berada di luar negara
 D Kemudahan membeli barang dan perkhidmatan atas talian

7. Jadual di bawah menunjukkan pembelian amanah saham oleh empat orang pelabur. Harga seunit saham ialah RM2.50.

Pelabur	Bilangan unit saham	Kadar dividen
P	4 000	6.0%
Q	5 000	4.0%
R	8 000	2.5%
S	10 000	2.0%

Pelabur yang manakah menerima dividen paling banyak? **KBAT KS**

A P
 B Q
 C R
 D S

8. Encik Amin memulakan perniagaan restorannya dengan RM20 000. Setiap hari dia mendapat keuntungan purata sebanyak RM120. Hitung nilai pulangan pelaburan bagi Encik Amin untuk 50 hari perniagaan.

A 12%
 B 20%
 C 24%
 D 30%

9. Apakah nilai matang bagi simpanan RM5 000 dalam satu akaun simpanan tetap dengan kadar faedah 5% setahun dan dikompaun 2 kali setiap tahun untuk 3 tahun?

A $5\,000\left(1 + \frac{5}{2}\right)^6$
 B $5\,000\left(1 + \frac{0.05}{2}\right)^6$
 C $5\,000\left(1 + \frac{0.05}{2}\right)^2$
 D $5\,000\left(1 + \frac{0.05}{3}\right)^6$

10. Hitung nilai matang bagi satu simpanan sebanyak RM5 000 dengan kadar faedah 2% setahun selama 2 tahun jika faedah itu dikompaunkan setiap tahun.

A RM5 100
B RM5 200
C RM5 202
D RM5 250

11. Hitung faedah kompaun bagi simpanan RM8 000 dengan kadar faedah 5% setahun selama 3 tahun jika faedah dikompaun sekali setahun.

A RM1 451
B RM1 381
C RM1 361
D RM1 261

12. Kassim menyimpan RM5 000 di bank A dengan kadar faedah 4% setahun dan RM3 000 di bank B dengan kadar faedah 5% setahun. Hitung jumlah faedah yang Kassim peroleh selepas dua tahun.

A RM700
B RM720
C RM750
D RM800

13. Benji membuat pinjaman peribadi sebanyak RM10 000 dari bank dengan kadar faedah 6% atas baki. Bayaran ansuran bulanan bagi pembayaran balik pinjaman itu ialah RM150 selama 7 tahun. Hitung baki pinjaman selepas bayaran ansuran bulan pertama.

A RM9 850
B RM9 950
C RM9 900
D RM10 050

14. Julie membeli sebuah televisyen dengan bayaran ansuran bulanan RM87.50 selama 2 tahun dengan kadar faedah sama rata 2.5% setahun. Hitung jumlah wang yang dipinjam oleh Julie.

A RM2 000 B RM1 800
C RM1 600 D RM1 500

15. Juliana membeli sebuah motosikal yang berharga RM3 200 dengan bayaran ansuran bulanan RM160 selama 2 tahun. Hitung kadar faedah sama rata setahun bagi pinjaman Juliana.

A 5% B 6%
C 8% D 10%

16. Jadual di bawah menunjukkan pakej pinjaman bagi pembelian kereta yang ditawarkan oleh sebuah bank.

Jumlah pinjaman	RM60 000
Tempoh bayaran	5 tahun
Kadar faedah	2.5%

Hitung bayaran ansuran bulanan untuk pembeli kereta yang menerima pinjaman ini.

A RM925
B RM1 125
C RM1 225
D RM1 250

17. Diberi nilai matang bagi satu pinjaman yang dikompaun ialah $15\,000\left(1 + \frac{0.04}{2}\right)^{2(4)}$. Berapakah tempoh masa, dalam tahun, bagi pinjaman ini?

A 1
B 2
C 3
D 4

18. Diberi nilai matang bagi satu pinjaman yang dikompaun ialah $50\,000\left(1 + \frac{0.05}{4}\right)^{12}$. Berapa kali kaedah pinjaman itu dikompaun?

A 1 bulan sekali
B 3 bulan sekali
C 4 bulan sekali
D 5 bulan sekali

19. Azmi menyimpan RM6 000 dalam akaun simpanannya di bank dengan kadar faedah 10% setahun. Jika dia menyimpan jumlah yang sama dalam akaun simpanan tetap dengan kadar faedah yang sama tetapi dikompaun 2 kali setahun, hitung beza faedah yang diperolehnya.

A RM15.00
B RM25.00
C RM32.50
D RM45.00

20. Antara simpanan dan pelaburan berikut, yang manakah mempunyai risiko paling tinggi?

A Amanah saham
B Saham syarikat di pasaran saham
C Hartanah
D Akaun semasa